قجابة ڤربندهارأن نكري كلنتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pengawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Bendahari Negeri : 09-7483484
Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Khidmat Pengurusan) :09-7441024
Fax No : 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my
Web Site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami: P.K.N.A.1/18-7 (10)
Bertarikh : 13 Rabiulakhir 1438H
01 Januari 2018M

Ke Majlis,

Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Berhormat Dato'/ Yang Mulia Dato'/ Yang Amat Berbahagia Dato'/ Tuan,

DOKUMEN SOKONGAN DALAM TUNTUTAN PERJALANAN (DALAM NEGERI)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, tujuan surat arahan ini dikeluarkan bagi menerangkan bahawa Permohonan Tuntutan Perjalanan (Dalam Negeri) hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan seperti berikut:-

2.1 Surat arahan menghadiri mesyuarat/bengkel/kursus/seminar/arahan kerja lebih masa;

2.2 Borang Pengesahan Keluar Pejabat untuk menjalankan tugas rasmi bagi yang tiada arahan bertulis/minit/surat arahan dari Ketua Jabatan/Seksyen/Bahagian;

2.3 Tentatif program bagi mesyuarat/kursus/bengkel yang dihadiri;

2.4 Resit asal tuntutan tambang pengangkutan awam seperti Teksi/"Uber"/"Grab Car"/Bas/Keretapi/Feri/Kapal Terbang dan lain-lain (jika berkaitan);

2.5 Resit asal hotel (jika menginap di hotel);

2.6 Resit asal bagi perbelanjaan pelbagai seperti Tol/Tempat Letak Kereta/Dobi/Pos/Telefon/Faks/Yuran Kursus Dan Lain-lain (jika berkaitan);

2.7 Nyatakan alamat lengkap tempat lojing (jika berkaitan);

2.8 Surat Kebenaran Menggunakan Kenderaan Sendiri daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan atau Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan sekiranya tidak menggunakan pengangkutan awam;

2.9 Tuntutan Elaun Motosikal hendaklah disertakan dengan salinan buku "despatch" yang telah disahkan oleh pegawai penyelia;

3.0 Surat Kebenaran menggunakan kapal terbang bagi kakitangan Kumpulan C yang memilih untuk menggunakan pengangkutan kapal terbang.

Ruj. Kami: P.K.N.A.1/18-7 (10)
Bertarikh : 13 Rabiulakhir 1438H
01 Januari 2018M

---

3. Sekiranya dokumen-dokumen sokongan seperti di perenggan dua di atas tidak dapat dipenuhi oleh pemohon, Ketua Jabatan/Seksyen/Bahagian berhak untuk menolak tuntutan berkenaan.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama Yang Berhormat Dato'/ Yang Amat Berbahagia Dato'/ Yang Mulia Dato'/ Tuan, amatlah dihargai untuk memastikan arahan ini dipatuhi dalam pentadbiran.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT"

Yang menurut perintah,

DATO' HAJI NIK KAZIM BIN HAJI NIK YUSOFF, S.P.S.K, D.P.S.K *(Kelantan)*
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

s.k.

Yang Berhormat
Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Blok 2, Kota Darulnaim,
15503 KOTA BHARU

Edaran Dalaman:-

Yang Berusaha Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

Yang Berusaha Bendahari Negeri

Yang Berusaha Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil)

Yang Berusaha Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Khidmat Pengurusan)

Yang Berusaha Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Bajet dan Pinjaman)

Yang Berusaha Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Perolehan dan Aset)

Yang Berusaha Penolong Bendahari

Yang Berusaha Pegawai Teknologi Maklumat

Yang Berusaha Penolong Pegawai Eksekutif Kanan (Pentadbiran & Sumber Manusia)

Yang Berusaha Ketua-Ketua Unit